

# Empat tokoh calon pilihan Jawatankuasa Perpaduan

» *Ketokohan, pengalaman mampu pengaruhi pimpinan parti*

Oleh Nazura Ngah  
nazura\_ngah@bh.com.my

► Kuala Lumpur

**E**mpat nama dalam UMNO dan PAS dilihat antara pemimpin yang layak menduduki Jawatankuasa Perpaduan yang dicadang sebagai platform penyatuan dua parti orang Islam dan Melayu terbesar di negara ini.

Tan Sri Dr Rais Yatim dan Datuk Dusuki Ahmad mewakili UMNO serta Datuk Abdul Halim Abdul Rahman dan Dr Daeng Sanusi Mariok daripada PAS, disifatkan memiliki pandangan yang memenuhi tuntutan ke arah perpaduan diharapkan.

Sebagai bekas menteri Kerajaan Persekutuan, Rais yang kini memegang jawatan Presiden Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Dusuki yang pernah mengisi kerusi Ahli Parlimen Tumpat selama dua penggal bermula dari tahun 1982 hingga 1990, berupaya menentang politik matang sebagai acuan menjayakan penyatuan UMNO-PAS.

## Miliki pengalaman luas

Pengalaman luas Abdul Halim sebagai Timbalan Menteri Besar Kelantan ketika pentadbiran Allahyarham Datuk Nik Aziz Nik Mat dan Daeng Sanusi

selaku Ahli Parlimen Rantau Panjang pada era 1990-an, membuka ruang luas untuk barisan jawatankuasa menyelami persekitaran yang boleh dimanfaatkan bersama.

Mengemukakan pandangan itu, Ketua Kluster Perpaduan Ummah, Institut Kajian Strategik Islam Malaysia, Dr Kamarul Zaman Yusoff, berkata jawatankuasa berkenaan perlu memabitkan tokoh yang bukan sahaja dihormati dan menyokong kepada agenda perpaduan ummah, malah boleh mempengaruhi pimpinan PAS di Kelantan, Terengganu dan Kedah.

Katanya, ia disebabkan pimpinan PAS di tiga negeri itu memainkan peranan besar dalam menjayakan agenda penyatuan, selain tokoh terbabit juga berupaya mempengaruhi pimpinan PAS Pahang berikutan Timbalan Presiden PAS, Datuk Tuan Ibrahim Tuan Man dilihat sedikit tegas dengan usaha berkenaan.

Kamarul Zaman yang juga anggota Kluster Perpaduan Ummah Majlis Dakwah Negara berpendapat, bekas Timbalan Presiden PAS, Nasharuddin Mat Isa tidak sesuai mengisi kuota parti itu secara langsung berikutan wujud sensitiviti tertentu, sebaliknya boleh berperanan di belakang tabir.

Beliau turut menamakan beberapa tokoh akademik antaranya, Prof Tan Sri Dr Mohd Kamal Hassan daripada UIAM; Prof Emeritus Datuk Dr Mahmood Zuhdi Abdul Majid (UIAM); Prof Datuk Dr Mohamad Abu Bakar (Universiti Malaya); Prof Datuk Dr Mohamed Mustafa Ishak (Universiti Utara Malaysia), Prof Dr Mohd Ridhuan Tee Abdullah (Universiti Sultan Zainal Abidin)



Rais Yatim



Abdul Halim Abdul Rahman



Dusuki Ahmad



Daeng Sanusi Mariok

dan Dr Amini Amir Abdullah (Universiti Putra Malaysia).

## Calon ahli jawatankuasa

Pengarah Institut Kajian Politik Malaysia (MAPAN), Universiti Utara Malaysia (UUM) itu juga menamakan barisan jawatankuasa dalam kalangan ulama, antaranya Mufti Kedah, Datuk Syekh Muhamad Baderudin Ahmad; Mufti Perak, Tan Sri Harussani Zakaria; Mufti Pahang, Datuk Seri Dr Abd Rahman Osman; Mufti Wilayah Persekutuan, Datuk Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri dan Mufti Kelantan, Datuk Muhamad Shukri Muhamad.

Baru-baru ini, Rabitah Alumni Al Azhar Malaysia

(WAAGM) bersetuju mewujudkan jawatankuasa khas yang akan bertindak sebagai pihak ketiga dalam menjayakan penyatuan pemimpin UMNO dan PAS di pentas yang sama, selepas cadangan itu dilontarkan Pengerusi Panel Perundingan dan Pencegahan Rasuah, Tan Sri Johan Jaaffar.

Sementara itu, Presiden WAAGM, Prof Madya Datuk Dr Mohd Fakhruddin Abdul Mukti, berkata pihaknya merancang untuk menemui setiap tokoh yang difikirkan layak untuk berada dalam jawatankuasa itu bagi mengumpul pandangan mereka berhubung gagasan kerjasama yang disarankan.